

Operasi perlu diperluas ke tengah Lautan Hindi



» Penemuan flaperon kukuh teori pesawat terhempas di kawasan asal pencarian

Oleh Azrul Affandi Sobry dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Zon pencarian pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang hilang sejak 8 Mac tahun lalu, perlu diperluas ke kawasan tengah Lautan Hindi.

Pakar Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Fadzil Mohd Akhir, berkata sebelum ini penyelidikan mengandaikan serpihan daripada pesawat itu berkemungkinan hanyut ke kawasan Madagascar dan kepulauan Mauritius dalam tempoh 18 bulan.


Katanya, penemuan flaperon di Pulau Reunion di Lautan Hindi minggu lalu, mengukuhkan teori pesawat itu terhempas di kawasan asal pencarian iaitu di tengah Lautan Hindi tetapi tidak memudahkan proses pencariannya.

Sukar cari lokasi tepat

"Penemuan flaperon itu petanda, namun selepas 18 bulan, ia tidak banyak membantu mengecilkan kawasan pencarian, manakala kemungkinan untuk mengenal pasti lokasi tepat pesawat terhempas juga tidak menjadi lebih mudah.

"Ia hanya menyokong teori asal beberapa pengkaji yang bersetuju MH370 terhempas di Lautan Hindi.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh menggunakan serpihan flaperon itu sebagai penanda menjejak lokasi asal ia terhempas kerana



serpihan mungkin berselerak dan tidak semuanya ke arah sama.

"Selepas ini, apa yang boleh dilakukan oleh pakar ialah menganggarkan jarak dan lokasi asal berdasarkan tempoh flaperon itu berada dalam air," katanya.

Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES) Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Azizan Abu Samah, berpendapat tempoh 18 bulan pencarian MH370 menimbulkan pelbagai ralat dan penemuan flaperon itu hanya mengesahkan ia terhempas di Lautan Hindi.

"Pencarian tidak mudah kerana

“Pencarian tidak mudah kerana pelbagai faktor alam memungkinan serpihan pesawat itu hanyut ke merata haluan”

Mohd Fadzil Mohd Akhir, Pakar Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu

na pelbagai faktor alam memungkinan serpihan pesawat itu hanyut ke merata haluan, manakala taufan di Australia juga boleh menolak serpihan ke pelbagai arah," katanya.

Mungkin mendarat dengan baik

Bekas Ketua Juruterbang Serantau Penerbangan Malaysia (MAS), Kapten Datuk Nik Ahmad Huzlan Nik Hussain, berkata penemuan flaperon itu menguatkan teori pesawat mungkin mendarat dengan baik di lautan sebelum tenggelam.

"Flaperon mudah tanggal dan

dibuat daripada bahan kersa serta terapung. Belum apihan ditemui kecuali flap

"Ada kemungkinan kehan badan pesawat ten dan jika benar, pencari lebih fokus di kawasan 5 lometer ke belakang. Foku ditumpukan kepada men tak hitam walaupun data dak banyak membantu.

"Kotak hitam hanya mpan data untuk dua jam s terhempas. Jika ada sesua laku dalam pesawat be jam sebelum itu, ia terpadngan sendirinya," katanya

Penemuan serpihan sayap tepati teori pencarian

Kuala Lumpur: Penemuan serpihan sayap pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 di Pulau Reunion, pada 28 Julai lalu konsisten dengan teori misi pencarian di selatan Lautan Hindi.

Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) berkata, flaperon pesawat yang terdampar di lokasi kira-kira 4,700 kilometer dari zon pencarian ketika ini turut disokong model perkiraan lain.

Katanya, model hanyut yang dikemukakan Pertubuhan Kajian Saintifik dan Industri Komanwel (CSIRO) mendapati serpihan pesawat MH370 berkemungkinan dihanyutkan ke beberapa lokasi, termasuk Pulau Reunion.

"Perubahan arus dan angin yang melanda sekitar Lautan Hindi antara punca serpihan pesawat MH370 terdampar di Pulau Reunion," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurut kenyataan itu, perkiraan berdasarkan model sama turut menunjukkan serpihan pesawat MH370 berkemungkinan berada di kawasan menjangkau hampir ribuan kilometer persegi.

Serah objek ditemui

Sehubungan itu, orang ramai yang menemui sebarang objek di sekitar Lautan Hindi dan kawasan berdekatan diminta menyera

harkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

"ATSB akan terus bergantung kepada analisis data satelit dan maklumat penerbangan untuk memperkecilkan zon pencarian.

"Penemuan flaperon di Pulau Reunion membuktikan usaha membabitkan pencarian di selatan Lautan Hindi selama ini adalah tepat, justeru ia akan diteruskan," katanya.

“Penemuan flaperon di Pulau Reunion membuktikan usaha membabitkan pencarian di selatan Lautan Hindi adalah tepat, justeru ia akan diteruskan”

Biro Keselamatan Pengangkutan Australia

0 Comments

Sort by Oldest



Add a comment...

 Facebook Comments Plugin